

Headline	BERKONGSI ILMU		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	26	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,921
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,764



BERKONGSI ILMU

INSTITUT Kepimpinan Pelajar (IKP) Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama Penolong Ketua Pengarang I Kumpulan Utusan, Datuk Zaini Hassan di Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di Kuala Lumpur, semalam.

Seramai lapan wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) hadir pada majlis tersebut yang diketuai Pengarah IKP, Dr. Azman Mat Isa dan Penolong Pendaftar IKP, Rahman Naim Mat Ali serta Yang Dipertua MPP, Abang Mohd. Hafizie Abang Bun.

Zaini yang juga Presiden Persatuan Alumni UiTM berkongsi pandangan beliau berhubung masa depan dua institusi itu yang perlu dipertahankan seiring

dengan apa yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

SESI perbincangan dua hala itu merupakan medium terbaik untuk mendekati pelajar dengan kepemimpinan organisasi luar kampus demi memantapkan semangat kepemimpinan golongan itu.

● ZAINI Hassan (kiri) memberi taklimat kepada Dr. Azman Mat Isa (tiga dari kanan) dan pelajar IKP Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM selepas sesi perkongsian ilmu bersama Penolong Ketua Pengarang I Kumpulan Utusan di Ibu Pejabat Utusan, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NOOR AZLINA JAAFAR